

Perjanjian 1MDB-syarikat China antara agenda pertemuan Najib-Li Keqiang
Malaysian Insider
Nov 23, 2015

Perjanjian jual beli saham antara 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Edra Global Energy dan China Nuclear Power Corp adalah antara agenda disenaraikan dalam sesi menandatangani perjanjian pada sidang media bersama yang diadakan di antara Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Perdana Menteri China Li Keqiang hari ini, menurut dokumen yang diberikan pegawai kerajaan Malaysia, lapor Reuters.

Pegawai terbabit berkata, perjanjian perniagaan berkenaan juga dijadualkan akan diumumkan pada majlis itu petang ini, bagaimanapun mereka kemudiannya menafikan yang perjanjian 1MDB itu akan ditandatangani, hari ini.

Sumber memberitahu Reuters minggu lalu, 1MDB hampir membuat penjualan aset kuasanya dengan konsortium luar negara termasuk sebuah syarikat China, sekali gus menjadikan ia sebagai langkah utama syarikat pelaburan negara itu untuk mengurangkan beban hutangnya. – 23 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perjanjian-1mdb-syarikat-china-antara-agenda-pertemuan-najib-li-keqiang>